

# BUKU PANDUAN



*Majlis*  
**KONVOKESYEN  
AKADEMI KEPIMPINAN  
WANITA** KALI KE-2

**21 OKTOBER 2023**

BERSAMAAN 6 RABIULAKHIR 1445H

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
<b>PENDAFTARAN GRADUAN</b>	<b>1</b>
<b>RAPTAI KONVOKESYEN</b>	<b>1</b>
<b>ATURCARA KONVOKESYEN</b>	<b>2</b>
<b>MAJLIS KONVOKESYEN</b>	<b>3</b>
<b>SAHSIAH DAN ETIKA BERPAKAIAN GRADUAN</b>	<b>3-5</b>
<b>URUSAN JUBAH</b>	<b>6-7</b>
<b>SYARAT PENGGUNAAN SET KONVOKESYEN</b>	<b>8</b>
<b>PENGAMBILAN SIJIL</b>	<b>9</b>
<b>TEMPAT LETAK KENDERAAN</b>	<b>9</b>
<b>e-CARD MASUK DEWAN</b>	<b>9</b>
<b>SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)</b>	<b>10</b>
<b>BARANG-BARANG PERSENDIRIAN</b>	<b>10</b>
<b>KUASA WANITA BERDAYA SELANGOR</b>	<b>10-11</b>

## **1. PENDAFTARAN GRADUAN**

- 1.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum Majlis Konvokesyen bermula.
- 1.2 Tanpa pendaftaran , graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.

## **2. RAPTAI KONVOKESYEN**

- 2.1 Raptai Majlis Konvokesyen Akademi Kepimpinan Wanita Selangor Ke -2 diadakan pada 20 Oktober 2023 (Jumaat) pada jam 10.00 pagi sehingga 12.30 tengahari bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak. Anda **DIWAJIBKAN** untuk hadir raptai tersebut bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 2.2 Sekiranya anda bekerja pada hari tersebut dan memerlukan Surat Pelepasan Bekerja, anda boleh mengisi pilihan “SURAT PELEPASAN BEKERJA” dalam borang kehadiran graduan di link yang disertakan bersama-sama dalam email dan Surat Jemputan Konvo.

### 3. ATURCARA KONVOKESYEN

---

MASA	PERKARA
7.30-8.00 pagi	Pendaftaran dan Ketibaan Pelajar Ibu Bapa/Keluarga/Penjaga berada di dalam dewan
8.45 pagi	Ketibaan Exco Kesihatan, Perpaduan Wanita & Keluarga Negeri Selangor Ketibaan YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor
9.30 pagi	Perarakan Besar Masuk ke Dewan Nyanyian Lagu Negeri Selangor Nyanyian Lagu Negaraku Nyanyian Lagu Wanita Berdaya Selangor Bacaan Doa Ucapan oleh YB Exco Kesihatan, Perpaduan Wanita & Keluarga Negeri Selangor Ucapan dan pengisytiharan pembukaan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor Persembahan nyanyian Penganugerahan kepada graduan Akademi Kepimpinan Wanita Kohort 3 oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor Persembahan nyanyian Ucapan Wakil Graduan Perisytiharan Alumni AKW dan Penangguhan Majlis Konvokesyen AKW Kali Ke-2 Perarakan Besar Keluar Dewan
12.30 tengahari	Majlis Bersurai

## 4. MAJLIS KONVOKESYEN

- Graduan **DIKEHENDAKI** hadir lebih awal atau selewat-lewatnya 30 minit sebelum jam 7.30 pagi yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari **DIHALANG** menyertai Majlis Konvokesyen.
- Graduan perlu memasuki dewan mengikut arahan petugas (Pemandu Graduan).
- Semasa majlis berlangsung graduan dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- Graduan dinasihatkan memahami **KEHORMATAN JUBAH** dan **TIDAK DIBENARKAN** menyalahgunakan atau mencemarkan kehormatan jubah.
- Hanya graduan dan **ahli keluarga yang berumur 10 tahun ke atas sahaja** yang dibenarkan memasuki dewan.
- Graduan dilarang meninggalkan dewan sebelum, semasa atau selesai Majlis Konvokesyen sehingga diberitahu.
- Graduan tidak dibenarkan membawa masuk beg/ cenderahati bersaiz besar atau boleh menghasilkan bunyi seperti belon.
- Graduan perlu memastikan telefon bimbit dalam keadaan **MOD SENYAP** semasa berada di dalam dewan.

## 5. SAHSIAH DAN ETIKA BERPAKAIAN GRADUAN

### 5.1 Etika Berpakaian semasa Majlis Konvokesyen

- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri Majlis Konvokesyen sekiranya tidak mematuhi kod pemakaian yang diberikan.
- Untuk Graduan Perempuan yang tidak bertudung, rambut perlu diikat dengan kemas.
- Sila sediakan *safety pin* yang kecil / sederhana @ jarum, peniti untuk dilekatkan pada pakaian konvo agar kelihatan kemas.

### 5.2 Pemakaian Graduan Perempuan:

- Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung/Kebaya/pakaian kebangsaan mengikut bangsa. Pakaian perlulah bersesuaian dengan protokol Majlis Konvokesyen.
- Pakaian mestilah formal dan sopan.
- Bagi graduan muslim, tudung @pelitup kepala pastikan tanpa corak dan pemilihan warna adalah cerah/pastel.
- Kasut formal bertutup, berwarna hitam atau gelap dan mempunyai tumit sedikit.

- Bagi graduan bukan beragama Islam mestilah berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak terbelah dan tidak terdedah. Sekiranya memakai skirt hendaklah labuh melepasi paras lutut dan berwarna gelap /*plain*.



Rajah 1: Contoh Pemakaian Graduan Perempuan

### 5.3 Pemakaian Tetamu Jemputan dan Ibu Bapa /Penjaga Graduan



Rajah 2: Contoh Pemakaian Tetamu Lelaki



Rajah 3: Contoh Pemakaian Tetamu Perempuan

## 6. URUSAN JUBAH

### 6.1 Peminjaman Jubah

- Graduan hendaklah mengambil jubah pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan (Rujuk jadual pengambilan jubah).
- Graduan hendaklah membawa bersama-sama **Borang Pengambilan Jubah (Graduan)** semasa hari pengambilan jubah.
- Sila bawa **RM100** tunai bersama-sama bagi tujuan wang cagaran pinjaman jubah, wang tersebut akan dipulangkan semula selepas pemulangan jubah.
- Graduan yang tidak hadir semasa hari pengambilan jubah boleh **mewakilkkan orang lain** dengan mengemukakan **Salinan Kad Pengenalan Graduan dan Borang Pengambilan Jubah (Wakil)**.
- Muat turun borang di emel yang telah disertakan.
- Tempat pengambilan jubah adalah seperti di jadual :

JADUAL PENGAMBILAN JUBAH GRADUAN

TARIKH	HARI	MASA PENGAMBILAN JUBAH	TEMPAT
11/10/2023	RABU	10.00 pagi – 4.00 petang	Bilik Latihan, WANITA BERDAYA SELANGOR SDN BHD , Lot G30 TINGKAT BAWAH , IDEAL CONVENTION CENTRE (IDCC) , JALAN PAHAT L 15/L , 40200 SHAH ALAM
12/10/2023	KHAMIS	10.00 pagi – 4.00 petang	
13/10/2023	JUMAAT	10.00 pagi – 4.00 petang	

## 6.2 Pemulangan Jubah

- Graduan dinasihatkan supaya merancang masa untuk mengambil foto bersama ahli keluarga, rakan-rakan dan saudara mara kerana jubah akan dipulangkan sejurus Istiadat Konvokesyen tamat mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Tempat pemulangan jubah adalah seperti di jadual :

JADUAL PEMULANGAN JUBAH GRADUAN

TARIKH	HARI	MASA PEMULANGAN JUBAH	TEMPAT
21/10/2023	SABTU	2.00 petang- 4.00 petang	Kaunter Pengambilan Jubah, Perkarangan Dewan Jubli Perak SUK Shah Alam

- Jubah graduan yang dipulangkan sebaik tamat sidang penganugerahan bayaran wang cagaran akan dipulangkan kembali. Walaubagaimanapun, pemulangan yang dibuat mulai keesokan hari dan hari- hari seterusnya, atau rosak, denda akan dikenakan adalah mengikut kadar denda yang ditetapkan. Kaunter serahan / denda lewat/ denda kerosakan dibuka mulai jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.
- Sijil graduan akan diserahkan sebaik sahaja jubah graduan DIPULANGKAN.

### **Nota Penting :**

*Sila pastikan anda membawa bersama-sama resit wang cagaran RM100 ketika pemulangan jubah*

## **7. SYARAT PENGGUNAAN SET MAJLIS KONVOKESYEN**

7.1 Pakaian Majlis Konvokesyen:

- Jubah Graduan
- Kasut bertutup
- Pakaian formal, sopan dan kemas

7.2 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda / memotong jubah asal.

7.3 Sebarang bentuk **KEROSAKAN** (kesan terbakar, jahitan tambahan, koyakan) atau **KEHILANGAN** akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas graduan berkenaan mengikut **KADAR DENDA yang** ditetapkan seperti jadual dibawah:

### **JADUAL KADAR DENDA**

<b>PERKARA</b>	<b>DENDA</b>
Kehilangan jubah	RM 300.00
Kerosakan jubah yang tidak boleh dibaiki	RM 200.00
Kerosakan jubah yang boleh dibaiki	RM 150.00
Kelewatan tempoh Pemulangan Jubah	RM 150.00 /hari

## **8. PENGAMBILAN SIJIL**

8.1 Graduan boleh mengambil **Sijil SELEPAS majlis Konvokesyen** mengikut ketetapan masa di bawah:

MASA & TARIKH : SABTU (21 OKTOBER 2023)  
2.00 Petang-4.00 Petang

TEMPAT : Kaunter Pemulangan Jubah, Perkarangan Dewan Jubli Perak SUK Shah Alam

*\*\*Sila bawa Resit Wang Cagaran Pinjaman Jubah bersama-sama*

## **9. TEMPAT LETAK KENDERAAN**

9.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang disediakan sekitar Dewan Jubli Perak, SUK Shah Alam.

## **10. E-CARD MASUK DEWAN ISTIADAT**

- 10.1 Hanya ahli keluarga yang berumur 12 tahun ke atas sahaja dibenarkan masuk.
- 10.2 *E-card* masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas.
- 10.3 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing sebelum jam 8.00 pagi pada hari Majlis Konvokesyen.
- 10.4 Ibu bapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan Istiadat rasmi.
- 10.5 Mohon kerjasama ibu bapa atau penjaga tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

## **11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)**

- 11.1 WBS telah melantik syarikat fotografi luar dan diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Sijil dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam dewan bagi memastikan kelancaran Majlis.
- 11.3 Graduan, ibu bapa dan tetamu dilarang membawa masuk kamera jenis DSLR dan seumpamanya ke dalam dewan.

## **12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN**

- 12.1 WBS tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya tidak membawa masuk ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada Mod Senyap (*Silent Mode*) sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, *tablet* dan lain-lain.

## **13. BIDANG KUASA WANITA BERDAYA SELANGOR**

- 13.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikut Majlis Konvokesyen.
- 13.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad. Justeru Pihak Wanita Berdaya Selangor, memohon kerjasama semua graduan
- 13.3 agar mematuhi segala peraturan yang telah dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

## **14. BIDANG KUASA WANITA BERDAYA SELANGOR**

Penginapan sepanjang Majlis Konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak Wanita Berdaya Selangor tidak menyediakan sebarang tempat penginapan.



Tahniah!  
&  
Selamat Bergraduasi

DARI KAMI WARGA **WBS**